



SIARAN AKHBAR

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) DI ANTARA LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM) DENGAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)

Pulau Pinang – 12 April 2012, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) hari ini telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universiti Sains Malaysia (USM) bagi aspek penyelidikan dalam bidang pengangkutan, perkongsian sumber dan pelbagai bidang lain yang bakal diterokai, yang akan memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

LLM dan USM percaya gandingan kepakaran dan sumber antara kedua-dua pihak kelak akan membolehkan pertukaran maklumat dan kepakaran teknikal berkaitan pembangunan dan pengurusan lebuhraya dari aspek:

- i. Perancangan, rekabentuk, pembinaan, operasi dan penyenggaraan lebuhraya bertol;
- ii. Dasar dan pembiayaan lebuhraya bertol; Pengurusan trafik dan keselamatan lebuhraya bertol;
- iii. Sistem Pungutan Tol;
- iv. Sistem Pengangkutan Pintar; dan
- v. Bidang kerjasama lain yang berkaitan pertukaran maklumat dan teknikal mengenai pembangunan & pengurusan lebuhraya.

Sehubungan itu, dengan termeterainya Memorandum Persefahaman ini, ianya diharap dapat meningkatkan kerjasama dua hala di antara agensi Kerajaan dengan Institusi Pengajian Tinggi dalam bidang perancangan, pembinaan, pengurusan dan kawalseliaan lebuhraya.

- Tamat-